SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2024 Pengajian Am Sem 1 Pahang

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

14 Yang manakah negeri yang mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam negerinya sendiri?

A Perlis

B Pahang

C Melaka

D Pulau Pinang

15 Berikut adalah kepentingan tadbir urus baik.

I Memperkasa daya saing negara

II Menerajui transformasi perkhidmatan

III Memenuhi ekspektasi pihak swasta dan pelabur

IV Menjana pendapatan negara dan kestabilan ekonomi

A I dan II

B I dan III

C I dan IV

D II dan IV

Bahagian B [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

16 Huraikan **dua** jenis penghinaan mahkamah yang boleh dikenakan tindakan ke atas individu yang melakukannya. [4]

(a) ……

……


……

(b) ……

……

……

17 Berdasarkan gambar rajah di bawah, pilih **empat** peringkat yang perlu dilaksanakan dalam proses pilihan raya di Malaysia. [4]



(a) ……

(b) ……

(c) ……

(d) ……

18 Nyatakan **empat** fungsi Perbendaharaan Malaysia. [3]

(a) …….

(b) …….

(c) …….....

(d) …….....

19 Nyatakan **empat** langkah mengukuhkan integriti dalam organisasi perkhidmatan awam. [4]

(a) …….

(b) …….

(c) …….....

(d) …….....

Bahagian C [50 *markah*]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

20 Tanggungjawab mewujudkan perkhidmatan awam yang berintegriti bukan sahaja perlu digalas oleh ketua jabatan sesebuah organisasi, bahkan membabitkan pelbagai pihak lain. Bincangkan. [25]

21 Golongan belia yang terjebak dalam kancah muflis semakin membimbangkan. Senario ini mendatangkan kemudaratan kepada mereka. Jelaskan. [25]

22 Pelbagai ancaman yang boleh menggugat perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara kita. Jelaskan. [25]

Skema Jawapan

Bahagian A [15 *markah*]

1	**D**	6	**D**	11	**A**
2	**B**	7	**C**	12	**A**
3	**C**	8	**B**	13	**D**
4	**D**	9	**C**	14	**B**
5	**C**	10	**A**	15	**A**

Bahagian B [15 *markah*

16 Huraikan **dua** jenis penghinaan mahkamah yang boleh dikenakan tindakan ke atas individu yang melakukannya. [4]

Skema Jawapan :		
Bil	**Idea**	**Huraian**
1	Penghinaan Jenayah	Kelakuan keji terhadap hakim, berkelakuan biadap, mengganggu para saksi dan pegawai mahkamah dan menulis penerbitan yang menjatuhkan maruah mahkamah.
2	Penghinaan Sivil	Kegagalan mematuhi arahan dan perintah mahkamah seperti tidak hadir dengan sengaja/ tidak mematuhi sepina/ gagal mematuhi penghakiman atau proses mahkamah lain

Jawapan : Mana-mana 2 isi/ idea

17 Berdasarkan gambar rajah di bawah, pilih **empat** peringkat yang perlu dilaksanakan dalam proses pilihan raya di Malaysia. [4]

Skema Jawapan :	
Bil	**Idea/ Huraian**
1	Pengeluaran writ
2	Penamaan calon
3	Berkempen
4	Pengundian

Jawapan : Mana-mana 4 isi/ idea

18 Nyatakan **tiga** fungsi Perbendaharaan Malaysia. [3]

Skema Jawapan :	
Bil	**Idea/ Huraian**
1	Menggubal dan melaksanakan dasar fiskal
2	Menggubal dan menyediakan prosedur, prinsip dan tatacara sistem pengurusan kewangan dan perakaunan
3	Menyelaras hubungan kerjasama berkaitan hal ehwal ekonomi dan kewangan di peringkat antarabangsa
4	Menggubal dasar sistem percukaian yag saksama
5	Memantau syarikat kerajaan yang ditubuhkan di bawah menteri kewangan

	diperbadankan
6	Menggubal dasar dan mentadbir urusan berkaitan perolehan kerajaan
7	Mendapatkan sumber pembiayaan bagi pihak kerajaan
8	Menerajui projek-projek strategik
9	Memberi khidmat nasihat kepada kementerian
10	Mengendali rayuan cukai pendapatan dan cukai kastam
11	Mengawal selia industri pelaporan kredit secara tepat, adil dan saksama

Jawapan : Mana-mana 3 isi/ idea

19 Nyatakan **empat** langkah mengukuhkan integriti dalam organisasi perkhidmatan awam. [4]

Skema Jawapan :	
Bil	**Idea/ Huraian**
1	Mewujudkan suasana/ budaya/ nilai integriti
2	Mengenakan tindakan disiplin yang tegas
3	Memperkasa sistem dan prosedur kerja
4	Memberi pendidikan berterusan
5	Melaksanakan kepimpinan bertauladan
6	Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif
7	Mengamalkan komunikasi berkesan
8	Meningkatkan kecukupan/ kecekapan sumber

Jawapan : Mana-mana 4 isi/ idea

Bahagian C [50 *markah*]

20 Tanggungjawab mewujudkan perkhidmatan awam yang berintegriti bukan sahaja perlu digalas oleh ketua jabatan sesebuah organisasi, bahkan membabitkan pelbagai pihak lain. Bincangkan. [25]

Skema jawapan:

Pengenalan

Kecemerlangan perkhidmatan awam bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja, tetapi melibatkan juga perkhidmatan yang bersih dan berintegriti. Oleh itu tanggungjawab mewujudkan perkhidmatan awam yang berintegriti memerlukan penglibatan pelbagai pihak.

Bil	Isi/ idea	Huraian
Tanggungjawab oleh pelbagai pihak		
1	Ketua Jabatan	• Pemimpin perlu menjadi contoh terbaik kepada semua kakitangan dalam pengamalan prinsip integriti • Membudayakan amalan integriti dalam kalangan anggota perkhidmatannya
2	Anggota Perkhidmatan Awam/ kakitangan awam/ kerajaan, pegawai awam/ kerajaan	• Menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dan bersifat telus dalam menjalankan tugas • Berani melaporkan tentang sebarang kesalahan
3.	Pihak Berkepentingan (stake holders)	• Menyediakan ruang perkongsian pengalaman, pengetahuan dan pengalaman terbaik untuk mengukuhkan integriti dalam organisasi • Memberi sokongan padu dan kerjasama terhadap organisasi untuk memantapkan lagi pengamalan integriti.
4.	Kerajaan	• Mengubal/membentuk/mewujudkan pelbagai dasar, polisi dan program secara berterusan • Bersikap tegas dan mengenakan hukuman yang berat kepada anggota perkhidmatan awam yang menyalahi undang-undang.
5.	Agensi penguat kuasa	• Menjalankan tugas dengan telus dan amanah tanpa pilih kasih • Mengadakan pemantauan dari semasa ke semasa untuk menangani perbuatan salah laku
6.	Masyarakat	• Mempunyai kesedaran tentang bahaya jenayah rasuah dan kesannya pada negara • Membantu usaha kerajaan untuk membanteras perbuatan menyalahi prinsip integriti.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar